



# 2020

## ANALITIK PORTAL JCOP CAFE

---

Unit Enterprise Content & Knowledge Management  
Bahagian Pengurusan Projek Kompleks, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

---

# PENGENALAN

Portal JCoP Cafe merupakan satu **aplikasi kolaboratif atas talian** yang dibangunkan untuk warga JKR Malaysia berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang teknikal dan bukan teknikal.

Portal interaktif ini diwujudkan bagi **menyokong inisiatif Communities of Practice (CoP)** yang telah diperkenalkan di bawah program Enterprise Content & Knowledge Management JKR Malaysia.

Konsep Portal JCoP Cafe adalah bersifat '**Tanya & Bincang**'. Aplikasi web ini berteraskan **community-based-wisdom** yang diterajui oleh sekumpulan pakar rujuk dari pelbagai domain.

**9**  
DOMAIN

**57**  
SUB-DOMAIN



## Metodologi Analitik

Sumber primer yang digunakan bagi menghasilkan laporan analitik ini diperolehi dari **Google Analytics** dan **pangkalan data (MySQL)** Portal JCoP Cafe



## Fakta Menarik

Portal JCoP Cafe mula diperkenalkan pada tahun 2013 manakala kerja menaiktaraf Portal JCoP Cafe v2.0 selesai dilaksanakan pada tahun 2018

**17,607**

Bilangan pengunjung Portal JCoP Cafe sepanjang tahun 2020

**26,009**

\* Sesi kunjungan pengguna berdaftar Portal JCoP Cafe sepanjang tahun 2020

*Sesi kunjungan merujuk kepada interaksi pengunjung di Portal JCoP Cafe pada satu julat masa tertentu*

# ANALITIK PENGGUNA



**233**

Bilangan **pengguna baru** yang telah berdaftar dengan Portal JCoP Cafe



**3.12**

Bilangan **minit yang dihabiskan** oleh pengunjung Portal JCoP Cafe setiap sesi (purata)




**1,467**

Purata bilangan **pengunjung Portal JCoP Cafe** sebulan

## Statistik Pengunjung Portal (Bulan)


1 Januari 2020 - 31 Disember 2020



# ANALITIK PENGGUNA

Portal JCoP Cafe menerima **interaksi pengunjung paling optimum** pada hari Khamis (4,686 interaksi), Selasa (4,662) dan Rabu (4,466). Trend ini menurun pada hari Isnin (4,143) dan Jumaat (3,450).

Dalam pada itu, **3.00 petang** merupakan waktu puncak di mana kebanyakan pengguna berdaftar melayari Portal JCoP Cafe (2,147 interaksi) manakala **1.00 petang** menerima bilangan interaksi paling rendah dengan 1,189 interaksi.




**48**

Purata bilangan pengunjung Portal JCoP Cafe sehari (termasuk hujung minggu dan cuti am)

## Statistik Interaksi Portal (Hari)

1 Januari 2020 - 31 Disember 2020




# ANALITIK PENGGUNA

Sehingga tahun 2020, seramai **184** daripada 4,747 keseluruhan pengguna berdaftar telah merekodkan mata ganjaran (reward points) sekurang-kurangnya 1,000 mata.

Mata ganjaran tertinggi yang telah dikumpulkan setakat ini dicapai oleh **Ir Mohd Noor Azudin Mansor** dengan **49,810** mata dan diikuti dengan **En. Ismail Hanafi (49,100)** dan **En. Tan Chee Kean (48,780)**.


Pada tahun 2020, **Ir Sharifah Dzain Syed Yusof** telah merekodkan sebanyak **56** interaksi manakala **Ts. Mohd Hafiz bin Shafie** dengan 51 interaksi, **Tan Chee Kian (46)**, **Ir. Hamzah Ismail (42)** dan **Ir Mohd Noor Azudin Mansor** dengan 33 interaksi.



# ANALITIK DOMAIN

Pada tahun 2020, Portal JCoP Cafe merekodkan sebanyak **771** interaksi dengan **328** soalan (43%), **221** jawapan (28%) dan **222** komen (29%).

Daripada 328 soalan tersebut, **terdapat 56 soalan (17%)** yang masih belum mempunyai sebarang maklumbalas (jawapan atau komen).





# ANALITIK DOMAIN

Daripada 9 domain Portal JCoP Cafe, domain **Technical & Contract Administration** merupakan **domain yang paling aktif** di mana sebanyak 232 interaksi telah direkodkan (68 soalan, 93 jawapan dan 71 komen).

Ini diikuti dengan domain **Project Management** sebanyak 113 interaksi (31 soalan, 51 jawapan dan 31 komen) dan **Human Resource Management** dengan 92 interaksi (31 soalan, 41 jawapan dan 20 komen)

Antara domain yang merekodkan interaksi terendah termasuk **Stakeholders Management** dengan 29 interaksi, **Building Information Modeling** 17 interaksi dan **Green** sebanyak 3 interaksi.



# ANALITIK MODERATOR

Moderator Portal JCoP Cafe yang dilantik terdiri daripada pegawai Jabatan yang mempunyai **ilmu pengetahuan yang tinggi** di samping **berpengalaman luas** di dalam bidang kepakaran masing-masing.

Selain daripada pakar yang dinamakan oleh Ketua Jabatan, **Pakar Bidang Khusus** dan **Pakar Rujuk Jabatan** turut bertindak sebagai moderator.



**102**

Moderator yang telah dilantik oleh Jabatan

**62**

**Pakar Yang Dinamakan**

**7**

**Pakar Bidang Khusus**

**33**

**Pakar Rujuk Jabatan**

## BIDANG KEPAKARAN

[5] Kejuruteraan Jalan

Kejuruteraan Awam & Struktur [6]

[25] Senibina

Kejuruteraan Elektrik [13]

[10] Kejuruteraan Geoteknik

Kejuruteraan Mekanikal [11]

[1] Kejuruteraan Cerun

Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga [9]

[7] Pengurusan Aset dan Projek

Kontrak dan Ukur Bahan [7]

[7] Pengurusan Penyenggaraan Jalan

P'gurusan Penyenggaraan Bangunan [1]

*Nombor di dalam kurungan mewakili **bilangan moderator***

SE P I N T A S L A L U

# Portal JCoP Cafe

sehingga 31 Disember 2020

---



**2,152**

SOALAN



**3,559**

JAWAPAN



**1,592**

KOMEN



**4,754**

PENGGUNA  
BERDAFTAR